

30 JAN 1999

MALAYSIA TUAN RUMAH PERSIDANGAN LAPANGAN TERBANG

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan dan Perhimpunan Antarabangsa Majlis Lapangan Terbang Rantau Pasifik (ACI) Kesembilan di sini pada 18 hingga 21 Julai ini.

Persidangan empat hari itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dianjurkan dengan kerjasama ACI dan Malaysia Airport Berhad (MAB).

Seramai 200 delegasi dari lapangan terbang antarabangsa di rantau Pasifik dijangka menghadiri persidangan itu, yang bertemakan "Generasi Lapangan Terbang Akan Datang, Destinasi Sendiri".

"Persidangan itu adalah peluang baik untuk mengetengahkan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang sebagai model alaf akan datang", kata MAB dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Persidangan itu juga akan memberi fokus kepada peranan lapangan terbang, yang semakin berkembang pada alaf akan datang, termasuk pengurusan ekonomi lapangan terbang, perkhidmatan pelanggan dan keselamatan penerbangan dan persekitarannya.

ACI ialah badan pemerhati Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan mempunyai status badan penasihat dengan Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

--BERNAMA

RV LAT RI